



**SIARAN AKHBAR  
UNTUK SIARAN SEGERA**

**MIDF MENCERIAKAN SAMBUTAN TAHUN BARU CINA  
BERSAMA PENDUDUK PENAMPANG**

**Sabah, 1 Februari 2019** – Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF), sebuah agensi di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, hari ini telah menyampaikan lebih 100 unit hamper sempena Tahun Baru Cina kepada golongan warga emas di Penampang, Sabah.

Majlis penyampaian hamper tersebut telah di adakan di D'Arc Hotel Donggongan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), YB Datuk Darell Leiking. Program kemasyarakatan ini merupakan sebahagian dari aktiviti tanggungjawab sosial korporat MIDF yang telah disusun atur bagi tahun 2019.

Turut hadir pada majlis tersebut adalah Pengurus MIDF Cawangan Sabah En. Sudirman Bin Mohd Alwi. Seperti tahun sebelumnya, MIDF terus membantu golongan yang kurang berkemampuan sewaktu mereka memerlukan termasuklah waktu perayaan Tahun Baru Cina.

Agihan hamper merupakan salah satu komitmen tanggungjawab sosial syarikat kepada komuniti sempena Tahun Baru Cina. Pihak MIDF berharap dengan sumbangan ikhlas ini ianya dapat menjadikan perayaan tahun ini lebih bermakna.

###

## **Mengenai MIDF**

MIDF ditubuhkan pada tahun 1960 sebagai hasil daripada kajian oleh Bank Dunia. MIDF adalah institusi pembangunan utama negara dan telah memainkan peranan penting dalam mempercepatkan pembangunan dan pemodenan industri perkilangan negara.

MIDF kini menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan yang berdaya saing termasuk Perbankan Pelaburan, Kewangan Pembangunan dan Pengurusan Aset.

MIDF merupakan anak syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad

###

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

### **NORAZLAN ZAKARIA**

Ketua Unit Pemasaran

Tel: (03) 2772 1889

Faks: (03) 2772 1911

HP: (011) 2628 5315

Emel: [norazlan@midf.com.my](mailto:norazlan@midf.com.my)

### **IRMA MAHAMAT TAHIR**

Ketua Komunikasi Korporat Kumpulan

Tel: (03) 2173 8756

Faks: (03) 2173 8499

HP: (012) 492 3707

Emel: [irmawati@midf.com.my](mailto:irmawati@midf.com.my)